PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan lebih tinggi pada suku keempat

Ekonomi Malaysia berkembang pada kadar yang lebih cepat pada suku keempat 2014 (5.8%; S3 2014: 5.6%). Pertumbuhan didorong oleh kadar pertumbuhan sektor swasta yang lebih kukuh (8.5%; S3 2014: 6.8%) dan perbelanjaan sektor awam yang kembali pulih (0.6%; S3 2014: -1.2%). Sementara itu, eksport barangan dan perkhidmatan benar mencatat pertumbuhan lebih sederhana sebanyak 1.5% (S3 2014: 2.8%). Pertumbuhan sederhana ini bersama-sama dengan pertumbuhan import yang lebih tinggi menyebabkan eksport bersih memberikan sumbangan negatif kepada pertumbuhan keseluruhan. Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim, momentum pertumbuhan meningkat kepada 2.0% (S3 2014: 0.9%).

Permintaan dalam negeri terus berkembang

Permintaan dalam negeri meningkat kepada 5.9% pada suku keempat (S3 2014: 4.9%), didorong perbelanjaan sektor swasta yang lebih baik dan perbelanjaan sektor awam yang kembali pulih.

Aktiviti sektor swasta meningkat 8.5% (S3 2014: 6.8%), disebabkan oleh pertumbuhan lebih tinggi dalam pelaburan dan penggunaan. **Pelaburan swasta** berkembang dengan lebih cepat pada kadar 11.2% (S3 2014: 6.8%), dipacu perbelanjaan modal dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan, khususnya dalam industri pengangkutan dan runcit. Aktiviti **penggunaan swasta** meningkat lebih kukuh sebanyak 7.8% (S3 2014: 6.7%), disokong keadaan pasaran pekerja yang stabil dan pertumbuhan upah yang berterusan.

Perbelanjaan sektor awam mencatat pertumbuhan positif sebanyak 0.6% pada suku keempat (S3 2014: -1.2%), disebabkan penurunan pelaburan yang lebih perlahan dalam keadaan penggunaan awam yang

KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan
(pada harga malar tahun 2005)

	2013		2014		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Permintaan Dalam Negeri					
Agregat (tidak termasuk stok)	6.7	7.4	4.9	5.9	6.0
Sektor swasta	9.1	8.6	6.8	8.5	8.0
Penggunaan	*7.4*	*7.2*	*6.7*	*7.8*	*7.1*
Pelaburan	*16.6*	*13.1*	*6.8*	*11.2*	*11.0*
Sektor awam	2.1	4.4	-1.2	0.6	0.2
Penggunaan	*5.2*	*6.3*	*5.3*	*2.7*	*4.4*
Pelaburan	*-1.4*	*2.2*	*-8.9*	*-2.1*	*-4.9*
Eksport Bersih	-6.8	-12.6	11.4	-9.8	19.7
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	*5.7*	*0.6*	*2.8*	*1.5*	*5.1*
Import Barangan dan Perkhidmatan	*7.1*	*2.0*	*2.2*	*2.6*	*3.9*
KDNK	**5.1**	**4.7**	**5.6**	**5.8**	**6.0**
KDNK (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**1.9**	**-**	**0.9**	**2.0**	**-**

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

PMTK Mengikut Jenis Aset



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

sederhana. **Pelaburan awam** mencatat penurunan lebih kecil sebanyak 2.1% (S3 2014: -8.9%), berikutan kadar penguncupan perbelanjaan yang lebih perlahan untuk aset tetap oleh Kerajaan Persekutuan. **Penggunaan awam** berkembang pada kadar yang sederhana sebanyak 2.7% (S3 2014: 5.3%), mencerminkan terutamanya pengurangan perbelanjaan Kerajaan untuk emolumen serta bekalan dan perkhidmatan.

Dari segi jumlah pelaburan, **pembentukan modal tetap kasar** meningkat 4.3% (S3 2014: 1.1%), mencerminkan pelaburan swasta yang lebih baik dan penurunan lebih kecil

dalam pelaburan awam. Dari segi jenis aset, pertumbuhan pelaburan terus dipacu oleh perbelanjaan untuk struktur sebanyak 10.8% (S3 2014: 8.3%). Perbelanjaan untuk jentera dan kelengkapan pula menurun pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 0.4% (S3 2014: -7.5%).

Pertumbuhan disokong sektor ekonomi utama

Dari segi penawaran, pertumbuhan disokong oleh sektor ekonomi utama pada suku keempat. Pertumbuhan sektor perkhidmatan disokong oleh pengembangan dalam kesemua subsektor. Sektor pembinaan kekal kukuh, didorong terutamanya oleh subsektor bukan kediaman dan kediaman, manakala sektor perlombongan mencatat pertumbuhan lebih kukuh disebabkan pengeluaran minyak mentah yang lebih tinggi. Sektor perkilangan terus berkembang, disokong terutamanya oleh industri berorientasikan eksport. Walau bagaimanapun, pertumbuhan sektor pertanian menguncup disebabkan penurunan dalam pengeluaran minyak sawit akibat banjir di negeri-negeri pantai timur Semenanjung Malaysia.

Sektor perkhidmatan mencatat pertumbuhan lebih kukuh sebanyak 6.4% pada suku keempat (S3 2014: 6.2%), disokong pengembangan dalam kesemua subsektor. Sejajar dengan pertumbuhan perbelanjaan isi rumah yang berterusan, subsektor perdagangan borong dan runcit meningkat 9.3% (S3 2014: 8.2%). Dalam subsektor komunikasi, pertumbuhan kekal teguh (9.8%; S3 2014: 9.7%) berikutan permintaan terhadap perkhidmatan komunikasi data yang terus kukuh. Pertumbuhan subsektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan lebih tinggi (8.2%; S3 2014: 7.2%), disokong terutamanya oleh segmen perkhidmatan perniagaan. Subsektor pengangkutan dan penyimpanan juga mencatat pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 5.8% (S3 2014: 4.9%), disokong aktiviti berkaitan perdagangan. Subsektor kewangan dan insurans terus berkembang 2.0% (S3 2014: 2.6%), berikutan permintaan yang berterusan terhadap pembiayaan daripada sektor isi rumah dan perniagaan.

KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2005)

	Bahagian 2014 (%)	2013		2014		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan (%)				
Pertanian	6.9	0.2	2.1	4.0	-2.8	2.6
Perlombongan	7.9	-1.2	0.7	1.4	9.6	3.1
Perkilangan	24.6	5.2	3.5	5.4	5.2	6.2
Pembinaan	3.9	9.8	10.9	9.6	8.7	11.6
Perkhidmatan	55.3	6.4	5.9	6.2	6.4	6.3
KDNK Benar	**100.0**[1]	**5.1**	**4.7**	**5.6**	**5.8**	**6.0**
KDNK Benar (Suku tahunan terlaras secara bermusim)	**-**	**1.9**	**-**	**0.9**	**2.0**	**-**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perkhidmatan (nilai ditambah pada harga malar tahun 2005)

	Bahagian 2014 (%)	2013		2014		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan (%)				
Perkhidmatan Pengantara	**40.4**	**4.9**	**5.1**	**5.4**	**5.6**	**5.4**
Kewangan & insurans	15.9	0.5	1.8	2.6	2.0	2.0
Harta tanah & perkhidmatan perniagaan	10.4	8.3	7.5	7.2	8.2	7.8
Pengangkutan & penyimpanan	6.5	5.4	4.6	4.9	5.8	5.0
Komunikasi	7.6	10.3	10.0	9.7	9.8	9.9
Perkhidmatan Akhir	**59.6**	**7.5**	**6.4**	**6.7**	**7.0**	**7.0**
Perdagangan borong & runcit	26.7	8.4	6.4	8.2	9.3	8.8
Penginapan & restoran	4.5	5.8	5.7	5.7	7.2	6.2
Utiliti	4.4	4.4	4.1	4.4	3.7	3.5
Perkhidmatan Kerajaan	15.0	8.6	8.3	6.2	4.8	6.5
Perkhidmatan lain	9.0	5.1	5.1	5.0	5.1	4.9
Jumlah Perkhidmatan	**100.0**[1]	**6.4**	**5.9**	**6.2**	**6.4**	**6.3**

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor perkilangan mencatat pertumbuhan mampan sebanyak 5.2% pada suku keempat (S3 2014: 5.4%), disokong prestasi industri berorientasikan eksport yang lebih kukuh, khususnya kelompok elektronik dan keluaran elektrik (E&E). Ini mengimbangi pengeluaran lebih rendah dalam industri berorientasikan pasaran dalam negeri, khususnya kelengkapan pengangkutan, dalam keadaan jualan kereta yang sederhana.

Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

	2013			2014		
	S3	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Indeks					
Indeks Sentimen Pengguna MIER	102.0	82.4	104.3	98.0	83.0	94.3
Indeks Perdagangan Runcit MIER	107.9	81.7	98.9	130.0	92.9	99.7
Indeks Pasaran Pelancongan MIER	138.8	140.3	126.8	115.2	107.6	108.8
	Perubahan tahunan (%)					
Ketibaan pelancong	-4.9	1.2	2.7	8.6	3.9[1]	8.8[2]
Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang	23.0	24.1	19.0	-2.0	-0.9[1]	5.5[2]
Jumlah kredit penggunaan terkumpul	6.9	5.9	5.9	2.9	2.7	2.7
Jumlah pinjaman terkumpul	9.5	10.6	10.6	9.0	9.3	9.3
Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, hotel & restoran	12.2	11.3	11.3	7.3	7.5	7.5
Import barangan penggunaan	9.7	9.6	8.8	-1.0	2.9	5.7
Jumlah jualan kenderaan bermotor	11.0	-0.9	4.5	-8.8	3.8	1.6
Kargo kontena yang dikendalikan (Pelabuhan Klang dan PTP)	3.0	2.7	1.5	9.2	12.8[1]	7.9[2]

[1] Okt-Nov 2014
[2] Jan-Nov 2014

Sumber: MIER, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia, dan sumber lain

Prestasi Sektor Perkilangan

	Bahagian 2014 (%)	2013		2014		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan Tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2005)	**100.0**	**5.2**	**3.5**	**5.4**	**5.2**	**6.2**
Industri berorientasikan eksport	61.4	4.7	2.3	4.8	6.8	5.9
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	38.6	6.0	5.4	6.5	2.8	6.7
Pengeluaran Perkilangan Keseluruhan[1]	**100.0**	**4.9**	**4.2**	**5.1**	**4.9**	**6.1**
Industri berorientasikan eksport	**74.8**	**3.8**	**3.3**	**4.4**	**5.4**	**5.4**
Kelompok elektronik dan keluaran elektrik	**24.2**	**16.9**	**10.0**	**10.1**	**10.2**	**12.1**
Antaranya:						
Elektronik	15.3	25.4	18.6	3.9	5.9	10.5
Keluaran elektrik	8.9	1.2	-5.1	24.3	20.1	15.4
Kelompok keluaran berkaitan sumber	**50.7**	**-1.8**	**0.3**	**1.4**	**2.9**	**2.1**
Antaranya:						
Kimia dan keluaran kimia	14.3	-1.1	-0.7	7.4	7.9	3.6
Keluaran petroleum	21.0	-4.0	0.2	-5.4	1.8	0.6
Keluaran getah	2.5	6.8	8.2	-4.0	-0.8	-1.3
Pemprosesan di luar estet	4.5	-1.5	1.7	4.3	-9.0	1.5
Industri berorientasikan pasaran dalam negeri	**25.2**	**8.0**	**6.8**	**7.3**	**3.8**	**7.9**
Kelompok berkaitan pembinaan	**11.3**	**3.5**	**4.9**	**5.7**	**3.5**	**4.2**
Antaranya:						
Keluaran berkaitan pembinaan	8.2	2.2	1.3	7.0	5.2	5.0
Keluaran logam yang direka	3.1	5.8	12.2	3.2	0.6	2.8
Kelompok keluaran berkaitan pengguna	**13.8**	**11.6**	**8.5**	**8.6**	**4.0**	**10.9**
Antaranya:						
Kelengkapan pengangkutan	5.5	23.4	13.8	11.4	1.1	14.4
Makanan, minuman & keluaran tembakau	7.3	1.1	4.9	7.1	8.0	8.8

[1] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2010=100)
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kadar Penggunaan Kapasiti dalam Sektor Perkilangan*



* Mulai 2012, kadar penggunaan kapasiti dalam sektor perkilangan telah diasaskan semula daripada nilai tambah tahun 2006 kepada nilai tambah tahun 2009

Sumber: Bank Negara Malaysia & Jabatan Perangkaan Malaysia

Kadar penggunaan kapasiti keseluruhan sektor perkilangan bertambah baik pada suku keempat (80%; S3 2014: 78%), disebabkan terutamanya oleh penggunaan kapasiti yang lebih tinggi dalam industri berorientasikan eksport (82%; S3 2014: 80%).

Sektor pembinaan meningkat 8.7% pada suku keempat (S3 2014: 9.6%), didorong subsektor bukan kediaman dan kediaman. Pertumbuhan subsektor bukan kediaman lebih kukuh berikutan aktiviti pembinaan yang lebih giat bagi bangunan industri dan komersial, manakala subsektor kediaman disokong oleh aktiviti harta kediaman dalam segmen pasaran umum dan rumah mampu milik. Pertumbuhan subsektor kejuruteraan awam lebih lemah berikutan hampir siapnya projek-projek infrastruktur besar. Dalam subsektor pertukangan khas, pertumbuhan adalah mampan berikutan aktiviti yang berterusan bagi pemasangan cerucuk (piling), kerja tanah, pemasangan elektrik dan sistem, serta kerja penyiapan bangunan dan kemasan akhir.

Sektor pertanian menguncup 2.8% (S3 2014: 4.0%), berikutan penurunan ketara pengeluaran minyak sawit akibat banjir di negeri-negeri pantai timur Semenanjung Malaysia. Sementara itu, **sektor perlombongan** berkembang 9.6% (S3 2014: 1.4%) disebabkan pengeluaran minyak mentah yang lebih tinggi.

Penunjuk bagi Sektor Pembinaan

	2013		2014		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai kerja pembinaan yang siap	11.3	12.7	10.7	9.7	12.8
Kediaman	18.3	19.6	21.5	18.3	22.2
Bukan kediaman	18.1	6.6	10.9	23.5	17.1
Kejuruteraan awam	1.9	14.5	2.2	-8.0	1.2
Pertukangan khas[1]	9.4	4.7	7.4	7.7	16.7
Kelulusan perumahan	-31.2	-24.5	-3.6	-29.2[2]	-0.8[3]
Pengeluaran[4] bahan berkaitan pembinaan	3.5	4.9	5.7	3.5	4.2
Simen hidraulik	6.2	4.2	7.8	9.7	6.6
Bahan lain daripada artikel konkrit, simen dan plaster t.t.t.l	25.5	5.3	25.8	27.2	32.7
Produk porselin dan seramik lain	3.1	-5.6	20.7	29.9	21.0
Komponen struktur pasang siap untuk bangunan atau kejuruteraan awam daripada simen, konkrit atau batu buatan	6.5	1.7	2.6	-13.2	-3.8
Import barangan modal (tidak termasuk barangan besar)	-3.3	-1.1	-1.0	8.3	1.3
Pinjaman untuk sektor pembinaan					
Kelulusan	0.6	-10.5	25.9	24.9	0.3
Pengeluaran	22.2	14.8	4.8	17.8	12.7

[1] Kerja-kerja seperti penyediaan tapak, pemasangan elektrik dan mengecat
[2] Oktober
[3] Jan-Okt 2014
[4] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2010=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Bank Negara Malaysia

Prestasi Sektor Pertanian

	Bahagian 2014 (%)	2013		2014		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2005)	**100**	**0.2**	**2.1**	**4.0**	**-2.8**	**2.6**
Tanaman Industri	**52.2**	**-2.5**	**-0.1**	**1.7**	**-8.4**	**0.2**
Antaranya:						
Kelapa Sawit	36.6	-1.2	2.6	5.2	-8.9	2.4
Getah	5.5	-14.4	-10.1	-24.1	-25.5	-19.2
Tanaman Makanan	**47.8**	**4.8**	**6.5**	**7.5**	**5.3**	**6.0**
Antaranya:						
Perikanan	14.6	-3.3	1.6	3.0	2.6	2.1
Ternakan	13.0	10.6	9.4	7.7	8.9	7.7

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Prestasi Sektor Perlombongan

	2013		2014		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	Perubahan tahunan (%)				
Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2005)	**-1.2**	**0.7**	**1.4**	**9.6**	**3.1**
Pengeluaran					
Antaranya:					
Minyak mentah dan Kondensat	-5.5	-2.8	3.2	15.9	4.3
Gas asli	3.4	4.4	-0.8	3.1	1.6

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Inflasi terus menurun pada suku keempat

Kadar inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), mencatat kadar purata yang lebih rendah pada 2.8% pada suku keempat (S3 2014: 3.0%). Penurunan ini disebabkan terutamanya oleh inflasi yang lebih rendah dalam kategori *makanan dan minuman bukan alkohol* (2.7%; S3 2014: 3.2%), berikutan penurunan harga daging segar dan makanan laut segar pada suku itu. Inflasi dalam kategori *minuman alkohol dan tembakau* juga lebih rendah pada 7.1% (S3 2014: 12.7%) apabila kesan pelarasan harga rokok pada bulan Oktober 2013 telah luput sebelum harganya dinaikkan semula pada bulan November 2014. Bagi tahun 2014 secara keseluruhan, purata inflasi ialah 3.2% (2013: 2.1%).

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) merosot pada kadar tahunan sebanyak 2.1% pada suku keempat (S3 2014: 0.9%) didorong terutamanya oleh harga yang lebih rendah dalam kategori *bahan-bahan mentah tidak boleh dimakan* dan *bahan api galian dan pelincir* berikutan penurunan harga minyak dunia. Sehubungan dengan itu, harga komponen berkaitan komoditi menurun sebanyak 8.0% (S3 2014: 0.9%). Harga komponen bukan berkaitan komoditi pula meningkat pada kadar yang secara relatif stabil sebanyak 1.2% pada suku keempat (S3 2014: 1.0%).

Sumbangan kepada Inflasi Harga Pengguna



Sumber: Bank Negara Malaysia

Keadaan pasaran pekerja stabil

Keadaan pasaran pekerja kekal stabil pada suku keempat[1] seperti ditunjukkan oleh kadar pengangguran yang rendah sebanyak 2.8% (S3 2014: 2.7%) dan tahap guna tenaga yang mampan pada 13.7 juta orang (S3 2014: 13.6 juta orang).

Jumlah pemberhentian pekerja yang dilaporkan kepada Kementerian Sumber Manusia menjadi sederhana sedikit kepada 2,915 orang (S3 2014: 3,028 orang), kebanyakannya dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan. Bilangan jawatan kosong yang dipaparkan dalam Portal JobsMalaysia meningkat kepada 250,976 jawatan (S3 2014: 223,128 jawatan). Agregat upah benar dalam sektor perkilangan meningkat 0.3% (S3 2014: 2.7%) disebabkan oleh pertumbuhan upah yang lebih perlahan dalam industri berorientasikan eksport dan pasaran dalam negeri.

Keadaan Pasaran Pekerja



Sumber: Kementerian Sumber Manusia

Kedudukan luaran kekal berdaya tahan pada suku keempat

Lebihan akaun semasa berjumlah RM6.1 bilion pada suku keempat, bersamaan dengan 2.3% daripada PNK (S3 2014: RM7.6 bilion atau 2.9% daripada PNK). Meskipun imbangan barangan mencatat lebihan yang lebih tinggi, defisit akaun perkhidmatan dan akaun pendapatan primer yang lebih tinggi menyumbang kepada lebihan akaun semasa yang lebih kecil. Bagi tahun 2014, akaun semasa mencatat lebihan yang lebih tinggi iaitu sebanyak RM49.5 bilion atau 4.8% daripada PNK (2013: RM39.9 bilion atau 4.2%)

[1] Berdasarkan data awalan

Pada suku keempat, lebihan perdagangan adalah lebih tinggi pada RM21.5 bilion (S3 2014: RM16.8 bilion). Eksport kasar menjadi sederhana kepada 0.5% (S3 2014: 1.5%), disebabkan terutamanya oleh penurunan eksport komoditi dalam keadaan pengembangan eksport perkilangan yang lebih sederhana. Import kasar meningkat pada kadar yang lebih cepat sebanyak 4.6% pada suku keempat (S3 2014: 2.6%) berikutan pertumbuhan import barangan pengantara yang bertambah baik serta import modal dan import penggunaan yang bertukar menjadi positif.

Pertumbuhan eksport perkilangan menjadi perlahan, sebahagiannya disebabkan oleh asas yang lebih tinggi pada suku keempat tahun sebelumnya. Eksport E&E berkembang pada kadar yang lebih tinggi, disokong oleh permintaan yang berterusan terhadap separa konduktor. Penurunan eksport bukan E&E disebabkan oleh penguncupan eksport produk berasaskan sumber, khususnya produk petroleum. Walau bagaimanapun, eksport produk bukan berasaskan sumber meningkat, disokong oleh eksport produk besi dan keluli serta jentera dan peralatan yang terus berkembang. Penguncupan eksport komoditi disebabkan terutamanya oleh permintaan dan harga minyak sawit mentah dan getah yang lebih rendah. Harga LNG dan minyak mentah yang lebih rendah juga menjejaskan pertumbuhan eksport komoditi pada suku keempat, tetapi kesannya diimbangi sebahagiannya oleh permintaan yang lebih tinggi terhadap komoditi ini. Dari segi destinasi, eksport ke AS meningkat kukuh berikutan pertumbuhan pelaburan perniagaan yang berterusan. Di rantau ini, eksport ke China yang terus menurun diimbangi sebahagiannya oleh eksport yang lebih tinggi ke ekonomi ASEAN pada suku keempat.

Import kasar meningkat pada kadar yang lebih cepat pada suku keempat disokong oleh peningkatan import dalam semua kategori, kecuali import untuk dieksport semula. Import barangan pengantara berkembang pada kadar yang lebih kukuh berikutan aktiviti perkilangan yang terus meningkat. Import modal pulih pada suku keempat, disokong oleh peningkatan pelaburan swasta. Import barangan penggunaan kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan positif, didorong terutamanya oleh import yang lebih kukuh bagi produk pengguna tidak tahan lama serta makanan dan minuman yang diproses. Walau bagaimanapun, aktiviti eksport semula adalah lemah dalam keadaan harga komoditi yang lebih rendah pada suku itu.

Imbangan Pembayaran[1]

	2013		2014		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
Akaun Semasa	**14.8**	**39.9**	**7.6**	**6.1**	**49.5**
(% daripada PNK)	*5.8*	*4.2*	*2.9*	*2.3*	*4.8*
Barangan	33.3	108.2	28.7	32.7	125.1
Perkhidmatan	-4.1	-16.7	-6.4	-7.9	-20.5
Pendapatan primer	-10.0	-34.1	-9.4	-13.8	-37.4
Pendapatan sekunder	-4.4	-17.5	-5.3	-5.0	-17.6
Akaun Kewangan	**-9.7**	**-15.8**	**-2.8**	**-24.4**	**-76.5**
Pelaburan langsung	4.0	-5.5	2.1	-0.2	-17.1
Aset	*-6.5*	*-41.2*	*-6.2*	*-8.1*	*-51.3*
Liabiliti	*10.4*	*35.7*	*8.3*	*7.9*	*34.2*
Pelaburan portfolio	-0.8	-3.0	-11.0	-20.4	-37.9
Aset	*-5.4*	*-32.1*	*-10.3*	*0.2*	*-28.3*
Liabiliti	*4.6*	*29.1*	*-0.7*	*-20.6*	*-9.6*
Derivatif kewangan	0.4	-0.3	0.1	0.2	-1.0
Pelaburan lain	-13.3	-7.1	6.1	-4.1	-20.6
Kesilapan dan ketinggalan[2]	-7.8	-9.4	-11.5	6.7	-9.6
Imbangan Keseluruhan	**-2.7**	**14.6**	**-6.7**	**-11.4**	**-36.3**

Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin

Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing

[1] Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabungan Kewangan Antarabangsa (IMF)
[2] Termasuk penambahan/pengurangan nilai rizab antarabangsa yang belum direalisasikan hasil daripada penilaian semula pertukaran asing

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Akaun Perdagangan

	Bahagian 2014 (%)	2013		2014		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan (%)				
Eksport Kasar	**100.0**	**10.4**	**2.5**	**1.5**	**0.5**	**6.4**
Perkilangan	*76.7*	*12.9*	*5.1*	*1.9*	*1.8*	*7.1*
E&E	*33.4*	*13.2*	*2.5*	*2.7*	*5.5*	*8.1*
Bukan E&E	*43.2*	*12.7*	*7.1*	*1.3*	*-0.9*	*6.4*
Berasaskan sumber	*23.6*	*14.2*	*8.6*	*2.1*	*-4.4*	*4.9*
Bukan berasaskan sumber	*19.6*	*10.9*	*5.3*	*0.3*	*3.7*	*8.2*
Komoditi	22.7	4.7	-4.6	0.4	-3.9	4.2
Mineral	*13.7*	*16.1*	*3.7*	*-2.5*	*-0.5*	*6.8*
Pertanian	*9.0*	*-8.3*	*-14.4*	*4.4*	*-8.8*	*0.6*
Import Kasar	**100.0**	**11.4**	**6.9**	**2.6**	**4.6**	**5.3**
Barangan pengantara	59.8	10.4	4.3	11.0	12.5	7.6
Barangan modal	14.1	-0.4	2.2	-9.9	0.2	-2.1
Barangan penggunaan	7.4	9.6	8.8	-1.0	2.9	5.7
Eksport semula dan barangan dua kegunaan	18.8	26.1	19.7	-10.6	-12.7	3.8
Imbangan perdagangan (RM bilion)	**-**	**28.3**	**71.3**	**16.8**	**21.5**	**83.1**

Nota: Keluaran petroleum ditapis telah diklasifikasikan semula sebagai barangan perkilangan dan bukan lagi barangan perlombongan mulai bulan Mei 2014

Sumber: MATRADE dan Jabatan Perangkaan Malaysia

Defisit akaun **perkhidmatan** meningkat kepada RM7.9 bilion pada suku keempat (S3 2014: -RM6.4 bilion), didorong terutamanya oleh pembayaran yang lebih tinggi untuk perkhidmatan pembinaan, khususnya untuk mendapatkan perkhidmatan teknikal asing bagi projek infrastruktur. Penerimaan perjalanan bersih adalah lebih rendah sedikit berbanding dengan suku ketiga tahun 2014, disebabkan oleh perbelanjaan pelancong ke luar negeri yang terus meningkat manakala perbelanjaan pelancong ke dalam negeri adalah mampan. Sementara itu, pembayaran bersih untuk perkhidmatan pengangkutan adalah mampan, selaras dengan aktiviti perdagangan yang berterusan pada suku keempat.

Defisit **pendapatan primer** meningkat kepada RM13.8 bilion pada suku keempat (S3 2014: -RM9.4 bilion), menunjukkan terutamanya pendapatan pelaburan yang lebih rendah daripada syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri, khususnya dalam sektor pertanian dan perlombongan. Sebaliknya, pendapatan pelaburan daripada pelabur langsung asing secara amnya mampan pada suku keempat, disokong terutamanya oleh pendapatan terakru kepada pelabur asing dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan, khususnya subsektor kewangan dan insurans. Sementara itu, defisit lebih rendah dalam akaun pendapatan sekunder (S4 2014: -RM5.0 bilion; S3 2014: -RM5.3 bilion) disebabkan penerimaan yang lebih tinggi dalam keadaan pengiriman wang ke luar negeri yang berkurang.

Akaun kewangan mencatat aliran keluar bersih lebih tinggi sebanyak RM24.4 bilion pada suku keempat (S3 2014: -RM2.8 bilion), disebabkan terutamanya aliran keluar pelaburan portfolio bersih yang lebih tinggi.

Pelaburan langsung mencatat aliran keluar bersih yang kecil sebanyak RM0.2 bilion (S3 2014: +RM2.1 bilion), apabila aliran keluar aset pelaburan langsung yang lebih besar telah mengimbangi aliran masuk liabiliti pelaburan langsung yang lebih kecil.

Dari segi aset, **pelaburan langsung keluar** meningkat apabila mencatat aliran keluar sebanyak RM8.1 bilion (S3 2014: -RM6.2 bilion). Daripada jumlah ini, **pelaburan langsung luar negeri** (direct investment abroad, DIA) mencatat aliran keluar sebanyak RM10.4 bilion (S3 2014: -RM5.6 bilion). Peningkatan DIA didorong pelaburan yang lebih tinggi oleh syarikat Malaysia dalam sektor minyak dan gas serta sektor perkhidmatan, khususnya subsektor perkhidmatan kewangan dan insurans, serta subsektor maklumat dan komunikasi.

Dari segi liabiliti, **pelaburan langsung masuk** mencatat aliran masuk lebih kecil sebanyak RM7.9 bilion (S3 2014: +RM8.3 bilion). Daripada jumlah ini, **pelaburan langsung asing** (foreign direct investment, FDI) mencatat aliran masuk yang lebih besar sebanyak RM10.2 bilion (S3 2014: +RM7.7 bilion). FDI ini disalurkan terutamanya kepada sektor

Malaysia: Destinasi Eksport

	Bahagian 2014 (%)	2013		2014		
		S4	Tahun	S3	S4	Tahun
		Perubahan tahunan (%)				
Amerika Syarikat	**8.4**	**-2.5**	**-4.5**	**9.0**	**16.9**	**11.0**
Kesatuan Eropah (EU)	**9.5**	**14.7**	**5.0**	**5.5**	**7.9**	**11.5**
Jepun	**10.8**	**6.0**	**-5.0**	**-4.4**	**1.9**	**4.4**
Negara ASEAN terpilih[1]	**27.4**	**7.4**	**7.2**	**2.1**	**5.1**	**5.8**
Timur Laut Asia	**23.8**	**24.0**	**6.1**	**-6.0**	**-8.7**	**3.4**
Republik Rakyat China	*12.1*	*30.9*	*9.3*	*-15.0*	*-15.7*	*-4.8*
Hong Kong SAR	*4.8*	*30.1*	*3.9*	*11.9*	*-3.9*	*18.5*
Korea	*3.7*	*17.0*	*3.3*	*0.6*	*2.5*	*7.1*
China Taipei	*3.2*	*-3.0*	*-0.4*	*1.3*	*4.8*	*14.3*
Asia Barat[2]	**3.0**	**-1.2**	**0.3**	**-9.5**	**-2.7**	**-5.6**
India	**4.2**	**-17.7**	**-12.2**	**51.7**	**16.0**	**23.9**
Jumlah eksport	**100.0**	**10.4**	**2.5**	**1.5**	**0.5**	**6.4**

[1] Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam dan Vietnam
[2] Emiriah Arab Bersatu, Arab Saudi, Oman, Iraq, Qatar, Kuwait, Jordan, Lebanon, Bahrain, Syria, Palestin, Yemen dan Iran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

perkilangan, manakala pelaburan dalam industri minyak dan gas, serta perkhidmatan kewangan, kekal besar.

Pelaburan portfolio mencatat aliran keluar bersih lebih tinggi sebanyak RM20.4 bilion pada suku keempat (S3 2014: -RM11 bilion). Ini disebabkan terutamanya aliran keluar pelaburan portfolio yang lebih tinggi oleh bukan pemastautin, khususnya pelupusan instrumen hutang dalam keadaan aliran keluar ekuiti yang kecil. Sementara itu, pelaburan portfolio pemastautin di luar negeri mencatat aliran masuk yang kecil disebabkan terutamanya penebusan sekuriti hutang, manakala pelabur keinstitusian dalam negeri memperoleh sekuriti hutang asing yang lebih rendah.

Pelaburan lain bertukar arah untuk mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM4.1 bilion (S3 2014: +RM6.1 bilion), apabila aliran keluar yang lebih tinggi daripada sektor bukan bank mengimbangi aliran masuk yang lebih rendah ke dalam sektor perbankan. Aliran keluar dalam sektor bukan bank mencerminkan terutamanya pemberian kredit perdagangan yang lebih besar oleh pengeksport Malaysia dan pembayaran balik kredit perdagangan yang diberikan sebelum ini kepada pengimport. Penurunan aliran masuk ke dalam sektor perbankan mencerminkan penempatan deposit antara bank yang lebih rendah oleh institusi kewangan bukan pemastautin.

Susulan perkembangan ini, **imbangan pembayaran keseluruhan** mencatat defisit sebanyak RM11.4 bilion pada suku keempat (S3 2014: -RM6.7 bilion). Kesilapan dan ketinggalan (Errors and Omissions, E&O) berjumlah +RM6.7 bilion, sebahagiannya mencerminkan penambahan nilai rizab antarabangsa disebabkan oleh penilaian semula pertukaran asing, apabila ringgit menyusut nilai berbanding dengan mata wang utama dan mata wang serantau terpilih pada suku keempat.

Hutang luar negeri terurus

Hutang luar negeri[2] Malaysia berjumlah RM744.7 bilion, bersamaan dengan USD211 bilion atau 69.6% daripada KDNK pada akhir bulan Disember 2014 (akhir bulan September: RM740.7 bilion atau USD223.9 bilion, bersamaan dengan 69.2% daripada KDNK). Dari segi profil hutang luar negeri, lebih separuh daripada hutang ini adalah dalam bentuk kematangan jangka sederhana dan jangka panjang. Dari segi mata wang, kira-kira separuh daripada jumlah hutang luar negeri terdiri daripada pemegangan sekuriti hutang dan deposit dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin. Peningkatan hutang luar negeri pada suku keempat disebabkan terutamanya oleh kesan penilaian daripada penyusutan nilai ringgit.

Hutang Luar Negeri Terkumpul

	2013	2014	
	akhir Dis	akhir Sep	akhir Dis
	RM bilion		
Pinjaman luar pesisir[1]	324.1	347.6	367.1
Jangka sederhana dan panjang	*196.0*	*199.0*	*210.9*
Sektor awam	98.9	89.1	93.1
Sektor swasta	97.1	109.9	117.8
Jangka pendek	*128.1*	*148.6*	*156.2*
Pemegangan bukan pemastautin sekuriti hutang domestik	229.7	247.0	223.3
Jangka sederhana dan panjang	*151.1*	*167.6*	*162.4*
Jangka pendek	*78.6*	*79.4*	*60.9*
Deposit bukan pemastautin	77.3	80.5	87.7
Lain-lain[2]	65.5	65.6	66.7
Jangka sederhana dan panjang	*10.7*	*10.2*	*10.6*
Jangka pendek	*54.8*	*55.4*	*66.0*
Jumlah hutang luar negeri	**696.6**	**740.7**	**744.7**
Bersamaan USD bilion	*209.8*	*223.9*	*211.0*
Hutang luar negeri (Definisi terdahulu)			
Jumlah hutang/KDNK (%)	32.8	32.5	34.3
Hutang jangka pendek[3]/ Jumlah hutang (%)	39.5	42.8	42.6
Rizab antarabangsa/ Hutang jangka pendek[3] (kali)	3.4	2.8	2.5[5]
Hutang luar negeri (Definisi semula)			
Jumlah hutang/KDNK (%)	70.6	69.2	69.6
Hutang jangka pendek[4]/ Jumlah hutang (%)	48.6	49.1	48.4
Rizab antarabangsa/ Hutang jangka pendek[4] (kali)	1.3	1.1	1.1[5]

[1] Bersamaan dengan hutang luar negeri definisi terdahulu, terkandung terutamanya hutang mata wang asing diperoleh, dan nota and bon terbitan luar pesisir.
[2] Terkandung kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF, dan lain-lain.
[3] Bersamaan dengan pinjaman luar pesisir jangka pendek.
[4] Pinjaman luar pesisir jangka pendek, pegangan bukan pemastautin sekuriti hutang domestik jangka pendek, deposit bukan pemastautin dan hutang jangka pendek lain.
[5] Berdasarkan rizab antarabangsa pada 30 Januari 2015.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

[2] Ini merujuk kepada hutang luar negeri yang didefinisikan semula, yang berkuat kuasa pada suku pertama 2014. Selain peminjaman luar pesisir yang dimasukkan dalam definisi sebelum ini, hutang luar negeri yang didefinisikan semula juga meliputi pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin, deposit bukan pemastautin dengan sistem perbankan serta liabiliti hutang lain bukan pemastautin. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk rencana bertajuk 'Definisi Semula Hutang Luar Negeri' dalam Buletin Suku Tahunan mengenai Perkembangan Ekonomi dan Kewangan dalam Perkembangan Ekonomi Malaysia pada Suku Pertama 2014.

Peminjaman luar pesisir meningkat kepada RM367.1 bilion pada akhir bulan Disember 2014 (akhir bulan September: RM347.6 bilion) disebabkan terutamanya oleh kesan penilaian berikutan pengukuhan mata wang serantau dan mata wang utama terpilih berbanding dengan ringgit pada suku keempat. Tidak termasuk perubahan penilaian semula pertukaran asing, peminjaman luar pesisir meningkat pada kadar yang lebih sederhana, mencerminkan sebahagian besar ambilan bersih peminjaman luar pesisir oleh syarikat sektor swasta. Sebahagian besar peminjaman ini adalah daripada entiti berkaitan bukan pemastautin untuk pengurusan sumber kewangan yang lebih baik dalam kumpulan korporat dan digunakan terutamanya untuk membiayai peningkatan kapasiti produktif. Walau bagaimanapun, ambilan bersih oleh sektor swasta ini sebahagiannya diimbangi oleh pembayaran balik bersih yang kecil dalam sektor awam, terutamanya oleh perusahaan awam.

Deposit bukan pemastautin meningkat kepada RM87.7 billon pada akhir bulan Disember 2014 (akhir September: RM80.5 bilion). Walau bagaimanapun, pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin menurun kepada RM223.3 bilion (akhir bulan September: RM247 bilion) dalam keadaan ketidaktentuan pasaran kewangan yang meningkat. Penurunan ini sebahagian besarnya disebabkan pelupusan bil dan nota kewangan BNM oleh bukan pemastautin, iaitu instrumen yang digunakan oleh Bank dalam operasi dasar monetarinya untuk menyerap lebihan mudah tunai daripada sistem perbankan. Pemegangan sekuriti hutang jangka panjang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin, khususnya Sekuriti Kerajaan Malaysia, secara relatif kekal stabil.

Secara keseluruhan, lebih separuh daripada jumlah hutang luar negeri mempunyai profil kematangan jangka sederhana dan panjang. Hutang luar negeri jangka pendek kekal terurus dan dapat ditampung oleh rizab sebanyak 1.1 kali.

Rizab antarabangsa kekal lebih daripada mencukupi

Rizab antarabangsa BNM berjumlah RM405.5 bilion (bersamaan dengan USD116.0 bilion) pada 31 Disember 2014. Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi perubahan penilaian semula pertukaran asing. Pada 30 Januari 2015, rizab berjumlah RM386.5 bilion (bersamaan dengan USD110.6 bilion), memadai untuk membiayai 7.9 bulan import tertangguh dan ialah 1.1 kali hutang luar negeri jangka pendek.

Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Defisit fiskal lebih rendah pada 3.5% daripada KDNK pada tahun 2014

Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan terus menyokong pertumbuhan pada suku keempat, dengan jumlah perbelanjaan bersih sebanyak RM76.1 bilion. Khususnya, perbelanjaan mengurus meningkat disebabkan oleh pemberian dan pindahan yang lebih tinggi kepada badan berkanun serta bekalan dan perkhidmatan. Perbelanjaan pembangunan disalurkan terutamanya kepada pembangunan masyarakat dan desa serta sektor perkhidmatan ekonomi lain. Meskipun harga minyak menurun, hasil kekal sebanyak RM59.6 bilion disokong oleh kutipan cukai pendapatan yang lebih tinggi. Pada keseluruhan tahun, Kerajaan Persekutuan mencapai sasaran defisit fiskal 3.5% daripada KDNK (2013: 3.9% daripada KDNK). Pada akhir bulan Disember 2014, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM582.8 bilion atau 54.5% daripada KDNK.

Kewangan Kerajaan Persekutuan

	2013		2014[a]		
	S4	Tahun	S3	S4	Tahun
	RM bilion				
Hasil	61.1	213.4	59.1	59.6	220.6
% pertumbuhan tahunan	*6.8*	*2.6*	*3.8*	*-2.3*	*3.4*
Perbelanjaan mengurus	58.8	211.3	52.9	59.7	219.6
% pertumbuhan tahunan	*-4.6*	*2.8*	*-0.9*	*1.6*	*3.9*
Akaun semasa	**2.3**	**2.1**	**6.2**	**-0.1**	**1.0**
% daripada KDNK	***0.9***	***0.2***	***2.3***	***0.0***	***0.1***
Perbelanjaan pembangunan bersih	16.0	40.7	8.1	16.4	38.4
% pertumbuhan tahunan	*-3.4*	*-8.2*	*-10.3*	*2.1*	*-5.5*
Imbangan keseluruhan	**-13.8**	**-38.6**	**-1.9**	**-16.5**	**-37.4**
% daripada KDNK	***-5.2***	***-3.9***	***-0.7***	***-5.9***	***-3.5***
Memo:					
Jumlah perbelanjaan bersih	74.8	252.0	61.0	76.1	258.0
% pertumbuhan tahunan	*-4.4*	*0.8*	*-2.2*	*1.7*	*2.4*
Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan					
(pada akhir tempoh)	539.9	539.9	569.3	582.8	582.8
% daripada KDNK	*54.7*	*54.7*	*53.2*	*54.5*	*54.5*
Hutang dalam negeri	381.4	381.4	397.2	414.7	414.7
% daripada KDNK	*38.7*	*38.7*	*37.1*	*38.8*	*38.8*
Hutang luar negeri[1]	158.4	158.4	172.1	168.2	168.2
% daripada KDNK	*16.1*	*16.1*	*16.1*	*15.7*	*15.7*
Pemegangan hutang Kerajaan Persekutuan dalam denominasi RM oleh bukan pemastautin[2]	*141.7*	*141.7*	*156.0*	*151.4*	*151.4*
% daripada KDNK	*14.4*	*14.4*	*14.6*	*14.1*	*14.1*
Peminjaman luar pesisir	*16.8*	*16.8*	*16.1*	*16.8*	*16.8*
% daripada KDNK	*1.7*	*1.7*	*1.5*	*1.6*	*1.6*

[a] Awalan
[1] Merujuk kepada hutang luar negeri yang diberikan definisi semula
[2] Merujuk kepada pemegangan hutang Kerajaan dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin (Sekuriti Kerajaan Malaysia, Terbitan Pelaburan Kerajaan, Bil-bil Perbendaharaan dan Sukuk Pinjaman Perumahan Kerajaan) yang diklasifikasikan sebagai hutang dalam negeri di bawah definisi terdahulu

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Kewangan Kerajaan Persekutuan



[a] Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia